

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Takaful Berhad ("Kami")
Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Takaful Flexi PA . Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Takaful Flexi PA Tarikh : 01/03/2024

1. Apakah produk ini?

Produk ini merupakan pelan kemalangan diri yang menyediakan perlindungan untuk kematian, hilang upaya menyeluruh yang kekal dan elaun kemasukan ke hospital akibat kemalangan.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep wakalah (perwakilan), di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Para peserta juga bersetuju untuk memberikan kuasa kepada kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh kami bagi mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana tersebut dengan syarat, bagi perwakilan ini, kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap para peserta. Sebagai ejen, kami berhak menerima fi wakalah sebagai caj perkhidmatan.

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma), di mana para peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sumbangan mereka kepada Dana bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan berdasarkan peristiwa yang telah dipersejuaui terlebih dahulu. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana, tolak pembayaran balik defisit berasaskan peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami, 50% akan dikongsi antara peserta yang sijilnya belum ditamatkan dan yang belum membuat tuntutan dalam tahun kewangan, dan 50% kepada kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah ialah kontrak ganjaran yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'Amal Jariah' bagi pihak peserta. Tabung kebajikan akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami untuk tujuan kebajikan.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang diberi?

Berikut adalah manfaat-manfaat Takaful Flexi PA:

Manfaat-manfaat	Amaun Manfaat (RM)
1. Kematian akibat kemalangan Sekiranya anda mengalami kecederaan badan yang mengakibatkan kematian dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan, kami akan: <ol style="list-style-type: none"> dengan kebenaran, menyelesaikan baki tertunggak pinjaman sewa beli kereta persendirian anda dan membayar jumlah manfaat yang selebihnya, jika ada, kepada penama atau waris anda; atau sekiranya tiada kebenaran untuk menyelesaikan sebarang baki tertunggak pinjaman sewa beli, membayar penuh jumlah manfaat kepada penama atau waris anda. 	50,000
2. Hilang upaya menyeluruh yang kekal Sekiranya anda mengalami kecederaan badan yang mengakibatkan hilang upaya berikut dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan: <ol style="list-style-type: none"> Lumpuh menyeluruh yang kekal; Terlantar akibat hilang upaya kekal; Kehilangan menyeluruh yang kekal kedua-dua belah mata; atau Kehilangan menyeluruh yang kekal bagi penggunaan kedua-dua belah tangan, atau kedua-dua belah kaki, atau kedua-dua belah anggota tangan dan kaki, atau kombinasi daripadanya. 	50,000
3. Elaun kemasukan ke hospital	50 semalam, sehingga 5,000

Nota:

- Tempoh Takaful adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

- Sumbangan tahunan ialah RM60.00. Sumbangan boleh dibuat secara tunai, kad kredit atau cek.
- Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Fi Wakalah	45% daripada sumbangan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • 25% Komisen dibayar kepada ejen • 20% Perbelanjaan pengurusan
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan
Duti Setem	RM10.00

6. Apakah terma- terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Terma-terma dan Syarat-syarat – Kami berhak untuk meminda terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat sijil ini dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod-rekod kami. Anda perlu memberitahu kami jika terdapat apa-apa perubahan kepada alamat, pekerjaan anda atau jika anda mengalami apa-apa kecacatan fizikal atau sebarang kelemahan akibat daripada penyakit semasa di dalam tempoh takaful dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis bertulis terlebih dahulu.

Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC) – Sumbangan hendaklah dibayar kepada kami atau ejen kami yang diiktiraf sebelum tarikh perlindungan sijil dikuatkuasakan.

Tuntutan – Jika berlaku kemalangan yang membawa kepada tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa 30 hari dari tarikh kemalangan itu berlaku.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di dalam sijil.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?

- Tindakan yang disengajakan, jenayah atau tindakan haram, atau kecuaian;
- Kecederaan terhadap diri sendiri;
- Alkohol atau penggunaan dadah;
- Kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau pengguguran anak;
- AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- Sebarang perperangan;
- Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif; atau
- Tidak mempunyai lesen memandu yang sah (bagi kemalangan kenderaan bermotor).

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di dalam sijil.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami. Semasa pembatalan, kami akan mengembalikan sebahagian daripada sumbangan bagi tempoh takaful yang belum tamat dengan kadar pro-rata dengan syarat tiada tuntutan dibuat kepada kami dalam tempoh takaful tersebut.

9. Apa yang perlu saya lakukan jika maklumat perhubungan berubah?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqa General Takaful Berhad (201701025031)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etiqa Oneline: 1300 13 8888
E-mel: info@etiqag.com.my
Laman Web: www.etiqag.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful kemalangan diri yang boleh didapati

Sila rujuk kepada wakil kami atau kepada kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM SIJIL ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA SERTAI. ANDA MESTI BACA, FAHAMI KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.